Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN PENTING

- **Ringgit menambah nilai sedikit pada suku keempat meskipun terdapat aliran keluar portfolio bukan pemastautin.**

Ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS pada suku keempat

Ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku keempat 2018, meskipun terdapat sentimen pelabur yang berhati-hati dalam pasaran kewangan global dan aliran keluar portfolio bukan pemastautin daripada pasaran bon dan ekuiti domestik. Aliran keluar ini didorong terutamanya oleh jangkaan bahawa langkah mengembalikan dasar monetari AS ke tahap yang lebih wajar akan dilaksanakan dengan lebih pantas, sebelum Federal Reserve AS mengurangkan unjuran kadar dasarnya bagi tahun 2019 pada bulan Disember 2018. Selain itu, ketidaktentuan mengenai momentum pertumbuhan dan perdagangan global yang semakin sederhana juga menyebabkan pelabur bukan pemastautin membuat keputusan menjual pelaburan mereka dalam pasaran kewangan serantau, termasuk Malaysia. Walau bagaimanapun, aliran keluar ini telah diimbangi oleh aliran masuk pelaburan pemastautin, terutamanya daripada barangan dan perkhidmatan lantas menyebabkan nilai ringgit meningkat sedikit. Pada masa hadapan, ketidaktentuan perdagangan global yang berterusan serta trajektori langkah mengembalikan dasar monetari ke tahap yang lebih wajar di AS, akan terus mempengaruhi prestasi mata wang serantau, termasuk ringgit.

Ringgit menambah nilai sedikit berbanding dengan dolar AS

Rajah 18: Ringkasan Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan dolar AS (1 Oktober - 31 Disember 2018)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia secara umumnya kekal stabil

Rajah 19: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran ekuiti domestik menurun sejajar dengan prestasi kebanyakan pasaran serantau

Rajah 20: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Kadar hasil bon Kerajaan pada amnya stabil walaupun terdapat aliran keluar bukan pemastautin pada suku keempat

Kadar hasil bon domestik meningkat hanya sedikit pada suku keempat walaupun terdapat aliran keluar bukan pemastautin. Hal ini disebabkan oleh sokongan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik. Aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran MGS didorong terutamanya oleh jangkaan bahawa langkah mengembalikan dasar monetari AS ke tahap yang lebih wajar akan dilaksanakan dengan lebih pantas. Hal ini telah menyebabkan pelabur antarabangsa mengambil langkah menyeimbangkan semula pelaburan portfolio mereka di pasaran ekonomi sedang pesat membangun (emerging market economies, EME) dan beralih kepada aset kewangan AS. Dalam tempoh tersebut, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 2.8, 1.9 dan 0.9 mata asas.

FBM KLCI menurun pada suku keempat disebabkan oleh ketidakpastian luaran

Tidak seperti prestasi yang menggalakkan pada suku ketiga, FBM KLCI merosot 5.7% pada suku keempat untuk ditutup pada 1,690.6 mata pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2018: 1793.2 mata). Dalam tempoh tersebut, sentimen untuk menghindarkan risiko semakin nyata dalam pasaran kewangan global yang berpunca daripada kebimbangan mengenai kadar pelaksanaan langkah mengembalikan dasar monetari ke tahap yang lebih wajar di AS, jangkaan pertumbuhan global yang semakin sederhana dan perolehan korporat yang lebih rendah. Hal ini menyebabkan penjualan pelaburan dalam pasaran ekuiti global oleh pelabur bukan pemastautin, termasuk Malaysia.

Kadar faedah benar naik sedikit dalam keadaan kadar inflasi yang lebih rendah pada suku keempat

Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit stabil sepanjang suku keempat 2018. Penanda aras KLIBOR 3 bulan tidak berubah pada 3.69%, dan kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga kekal pada tahap yang sama. Dalam pasaran runcit, kadar asas (base rate, BR) purata berwajaran dan kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul, masing-masing stabil pada 3.91% (S3 2018: 3.90%) dan 5.42% (S3 2018: 5.43%).

Kadar benar deposit tetap (fixed deposit, FD) terus meningkat pada suku keempat 2018, namun lebih sederhana disebabkan oleh inflasi keseluruhan yang rendah sedikit. Khususnya, kadar benar FD 3 bulan dan 12 bulan masing-masing meningkat 10 mata asas kepada 2.95% (S3 2018: 2.85%) dan 3.13% (S3 2018: 3.03%).

Keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Keadaan mudah tunai sistem perbankan kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank secara relatif stabil pada suku keempat, mencerminkan aliran keluar bersih yang sederhana. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai.

Kadar deposit benar meningkat pada kadar yang lebih sederhana

Rajah 21: Kadar Deposit Tetap Benar (mengikut Kematangan) pada akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul di Bank kekal stabil

Rajah 22: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia pada akhir tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih meningkat sederhana disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan bon korporat terkumpul yang lebih rendah

Rajah 23: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



Nota: Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan IKP terkumpul, dan bon korporat terkumpul
*Tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih meningkat dengan sederhana pada suku keempat

Pada suku keempat, pembiayaan bersih berkembang 5.8% pada asas tahunan (S3 2018: 6.5%). Hal ini sebahagian besarnya mencerminkan pertumbuhan bon korporat terkumpul[4] yang lebih rendah sebanyak 8.0% (S3 2018: 10.8%), sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang tinggi dalam tempoh yang sama pada tahun 2017. Pertumbuhan pinjaman terkumpul[5] stabil pada suku keempat pada 5.1% (S3 2018: 5.1%). Pinjaman perniagaan terkumpul meningkat secara berterusan kepada 4.6% (S3 2018: 3.6%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi untuk sektor *perdagangan borong dan runcit*, *restoran dan hotel*; *perkilangan*; dan *perkhidmatan kewangan*, *insurans dan perniagaan*. Walaupun pertumbuhan pinjaman terkumpul untuk PKS[6] lebih rendah (S4 2018: 0.6%; S3 2018: 2.4%), jumlah pinjaman yang dikeluarkan pada suku keempat adalah lebih tinggi (S4 2018: RM80.8 bilion; S3 2018: RM77.2 bilion). Pinjaman isi rumah terkumpul dalam tempoh tersebut meningkat 5.2% (S3 2018: 5.5%), disokong terutamanya oleh pinjaman untuk *pembelian harta kediaman*; *pembelian sekuriti*; dan *pembiayaan peribadi*.

[4] Bon korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas dan bukan pemastautin.
[5] Pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).
[6] Sebahagiannya mencerminkan pengelasan semula daripada PKS kepada bukan PKS yang dijalankan secara berterusan oleh institusi kewangan.